

Eksplorasi perkasa pembudayaan prinsip Rukun Negara

Media Baharu : 3-3 minutes

- August 13, 2023
- Published in Semasa



(Datuk Aaron berucap di majlis merasmikan pelancaran Ekplorasi Rukun Negara)

KUALA LUMPUR, 13 Ogos- Eksplorasi Rukun Negara dilancarkan bagi memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara di semua peringkat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia selaras cadangan kementerian agar lafaz ikrar Rukun Negara dilaksanakan dalam setiap program rasmi kerajaan.

"Hari ini adalah hari bersejarah pada kita dan juga Kementerian Perpaduan Negara. Kita hidupkan kembali Rukun Negara ini, sebab kalau dulu tahun 70-an, 80-an, memang Rukun Negara memang dilafazkan di semua sekolah. Setiap hari pertama, setiap minggu masa majlis perhimpunan," kata Aaron kepada media selepas merasmikan pelancaran Ekplorasi Rukun Negara di sini.

Pelbagai program seperti Dialog Anak Muda, Muzikal Eksplorasi Rukun Negara dan Kapsul Suara Anak Malaysia dianjurkan, melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

Menurut beliau, KPN bersetuju agar sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah, diikuti lima prinsip Rukun Negara.

Aaron turut menyeru generasi kini agar peka dengan Rukun Negara dan menghayati erti sebenar kewujudannya.



(Datuk Aaron ditemu bual selepas merasmikan pelancaran Ekplorasi Rukun Negara)